

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) pendirian Kerajaan berhubung cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) agar had usia bersara dilanjutkan kepada 65 tahun seperti di negara-negara maju; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan untuk menggalakkan dan meningkatkan sumbangan generasi tua ini kepada pembangunan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 ke atas semua majikan di seluruh Malaysia, menyatakan bahawa umur persaraan minimum seseorang pekerja adalah apabila seseorang pekerja itu mencapai umur 60 tahun. Ini bermakna seseorang pekerja itu boleh terus bekerja walaupun telah melebihi 60 tahun. Oleh itu, tiada keperluan pada masa ini untuk meningkatkan umur persaraan kepada 65 tahun.

SOALAN NO : 363

2. Cadangan meningkatkan had umur persaraan merupakan cadangan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Kerajaan telah pun membuat keputusan bahawa had umur persaraan adalah kekal pada umur 60 tahun kepada sektor awam dan umur persaraan minimum bagi sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia, melalui Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), telah melaksanakan Kajian Penggajian dan Guna Tenaga Warga Emas pada tahun 2018. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keperluan dasar dan merangka langkah-langkah strategik dalam aspek pekerjaan untuk warga emas. Hasil dapatan kajian merumuskan sebanyak 9 bidang fokus strategik dan 19 inisiatif sebagai usaha menyediakan Malaysia menghadapi negara tua menjelang 2030. Antara bidang fokus strategik adalah menggalakkan minat dan kemampuan bekerja, meningkatkan kebolehpasaran serta menggalakkan nilai kesukarelawanan warga emas. Ketika ini, Kementerian dalam usaha merangka pelaksanaan dapatan kajian dengan kerjasama kementerian-kementerian lain.

4. Selain itu, Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan rakyat termasuk warga emas ditawarkan peluang pekerjaan dalam semua sektor pekerjaan. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Menyediakan portal perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian melalui pendekatan pemadanan kerja;
- (ii) Menganjurkan program penempatan pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka

SOALAN NO : 363

telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan; dan

- (iii) Mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan.
5. Kerajaan akan terus menambah baik inisiatif sedia ada dan akan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi menggalakkan peluang pekerjaan bagi golongan warga emas untuk diterima dalam pasaran pekerjaan.